

Isu sensitif: Amaran Dr M kpd golongan tertentu

KUALA LUMPUR, Khamis — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberi amaran, Kerajaan akan bertindak tegas terhadap golongan tertentu yang cuba menimbulkan isu-isu sensitif khususnya berhubung dengan Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Serentak dengan itu, Timbalan Perdana Menteri mengulangi azam Kerajaan untuk mencapai segala matlamat DEB bagi faedah rakyat berbilang kaum di negara ini.

Katanya, Kerajaan akan terus berusaha ke arah pencapaian matlamat DEB di samping mewujudkan suasana

pelaburan yang menggalakkan di negara ini.

"Kita memerlukan pelaburan untuk memajukan ekonomi negara dan tidak ada jalan kita akan menerima semula sistem ekonomi lama yang berteraskan eksploitasi.

"Kita akan terus mengekalkan DEB dan jika terdapat golongan yang beranggapan mereka boleh menyalah-tafsirkan DEB dengan harapan mendapat faedah yang tidak munasabah, mereka adalah tersilap," tegasnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan demikian ketika merasmikan seminar dua hari mengenal Rancangan Malaysia Keempat (RME) anjuran Dewan Perniagaan dan Perusahaan Kebangsaan Malaysia di sini.

Bellau menambah, terdapat golongan tertentu menggunakan berbagai isu sensitif seperti perkauman bagi tujuan merosakkan imej Malaysia di kacamata dunia luar.

"Golongan ini terdiri dari orang-orang asing yang mencemburui kejayaan kita serta warganegara Malaysia bagi memuaskan hati mereka yang bersifat perkauman.

"Baru-baru ini seorang rakyat Malaysia mendakwa 49 peratus dari jumlah cukai pendapatan negara ini dibayar oleh rakyat keturunan China dan hanya 5 peratus sahaja dibayar oleh keturunan Melayu. Dia juga mendakwa sebilangan besar perbelanjaan Kerajaan ditujukan kepada keturunan Melayu," jelasnya.

Timbalan Perdana Menteri berkata, perkara itu telah dilaporkan oleh akhbar-akhbar luar negeri sebagai kononnya bukti Kerajaan Malaysia mengamalkan diskriminasi terhadap rakyat keturunan China di negara ini.

"Terdapat seorang lagi rakyat Malaysia semasa berada di luar negeri menyebarkan berita kononnya Kerajaan menjatuhkan hukuman gantung terhadap seseorang berdasarkan kepada keturunan dan bukan kesalahan yang dilakukan.

"Kerajaan mempunyai bukti yang cukup untuk menafikan kesemua dakwaan yang dilemparkan kepadanya," tambahnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir menjelaskan, perkara seumpama itu akan mendatangkan kesan buruk terhadap suasana pelaburan di negara ini dan lebih banyak lagi dakwaan seperti itu akan terus merosakkan suasana tersebut.

"Saya amat mengambal berat perkara ini kerana saya mempunyai tanggungjawab dan tugas untuk meningkatkan lagi pelaburan di negara ini.

"Saya ingin mengingatkan golongan tertentu ini tentang beberapa perkara yang disifatkan sebagai sensitif. Jika kamu bermain dengannya bermakna kamu bermain dengan api," tegasnya.

Menurutnya, Kerajaan bertanggungjawab menjamin kestabilan negara ini di semua bidang.

"Kerajaan akan memastikan keadaan stabil ini dapat diwujudkan melalui semua cara yang difikirkan perlu dan kita tidak akan menghiraukan apa yang diperkatakan oleh akhbar-akhbar luar negeri," jelasnya.



DR. MAHATHIR

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri 11,342
No. Penerbitan 3155